

ANALISIS STRATEGI PEMERKASAAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN BERDASARKAN HADIS LELAKI ANŞĀR

*A Strategic Analysis of the Poor and Needy Aşnāf empowerment Based on the Hadis
of Man from Anşār*

Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidiⁱ, Muhamad Firdaus Ab Rahmanⁱⁱ & Azman Ab
Rahmanⁱⁱⁱ

ⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Email:
hussein@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Email:
m.firdaus.rahman@usim.edu.my

ⁱⁱⁱTimbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). Email:
azman@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Islam amat menekankan soal pemerkasaan populasi fakir dan miskin. Usaha pemerkasaan ini dapat dilihat sejak dari zaman Nabi SAW di mana pengurusan berkesan dan pemesatan harta wakaf, zakat dan sedekah berlaku dengan optimum. Kemuncak kecemerlangan ini dapat dilihat pada era pemerintahan Umar bin Abd al-'Aziz di mana inisiatif pemerkasaan populasi miskin dilakukan dengan begitu efektif hinggakan amat sukar untuk menjumpakan golongan asnaf atau miskin yang layak menerima zakat. Pencapaian tersebut berbeza dengan realiti umat Islam hari ini. Dapatan kajian dari Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu mendapati sejumlah besar negara-negara Islam dikelaskan sebagai berpopulasi 'miskin' atau 'miskin tegar'. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji metode yang digunakan oleh Nabi SAW dalam</p>	<p>Islam emphasizes on the empowerment of the poor and needy. This empowerment initiative can be seen since the time of the Prophet SAW where effective management and the growth of waqf, zakah and charity were optimised. This peak of excellence can be witnessed in the reign of Umar bin Abd al-'Aziz where the initiative of strengthening the impoverished population was so effective in a way that it was difficult to find the poor who were eligible for zakat. This achievement is different from the reality of Muslims nowadays. Survey from the United Nations indicates that a large number of Muslim countries are classified as 'poverty' or 'extreme poverty'. Therefore, this study aims to study the method used by the Prophet to address the poverty problem. The Hadith of impoverished man from Anşār narrated by Anas bin Mālik was chosen because it was believed to contain comprehensive strategies for empowering the poor. Inductive and</p>

<p>manyantuni golongan miskin. Hadis lelaki miskin Anṣār yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik telah dipilih kerana dipercayai mengandungi strategi yang komprehensif untuk memperkasakan golongan miskin. Kaedah penyelidikan secara induktif dan deduktif digunakan secara konsisten. Hasil kajian menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya tujuh strategi pemerksaan yang dapat diekstrak dari hadis ini. Ia merangkumi penyelesaian keperluan asas, capaian dan akses mudah, proses tapisan kemampuan, perantara kewangan, kecairan tunai, sokongan teknikal serta pendidikan dan kesedaran. Strategi-strategi ini amat berpotensi untuk dilaksanakan oleh agensi yang terlibat dengan pemerksaan populasi miskin agar inisiatif yang dijalankan mampu memberi impak sosial yang lebih berkesan.</p> <p>Kata kunci: strategi pembasmian kemiskinan, asnaf, populasi miskin, hadis</p>	<p>deductive research techniques are used consistently. The results show that there are at least seven empowerment strategies that can be extracted from this hadith. It includes satisfying basic needs, outreach and accessibility, screening process, financial intermediary, cash liquidity, technical support as well as education and awareness. These strategies have the potential to be implemented by agencies involved in empowering the poor in order to initiate greater social impacts.</p> <p>Keywords: poor empowerment strategies, impoverished population, hadith.</p>
---	---

PENDAHULUAN

Islam menyifatkan polemik kemiskinan dan kefakiran sebagai wabak yang mengancam kestabilan sosial dan ideologi. Dari aspek sosial, wabak kemiskinan boleh menatijahkan kepada pelbagai masalah. Antara punca permasalahan sosial adalah bertitik tolak dari ketidak-stabilan sosioekonomi keluarga populasi miskin. Zain et al. (2002) mendapati bahawa kekangan ekonomi menyebabkan sesebuah intitusi keluarga tidak dapat berfungsi dengan baik disamping ia antara faktor utama berlakunya perceraian. Kondisi kemiskinan dan kegagalan fungsi keluarga turut menyumbang kepada isu pengabaian kanak-kanak (Obioha, 2009). Permasalahan rumah tangga dan pengabaian anak-anak boleh mewujudkan masalah sosial dalam kerangka yang lebih luas. Pridemore (2011) mendapati bahawa wujud korelasi signifikan antara permasalahan kemiskinan dan jenayah sosial seperti rompakan, jenayah bunuh, kekejaman rumahtangga, keganasan (*terrorism*), dan jika ia tidak dibendung, ia boleh mencetuskan peperangan (Miguel, 2005). Ini kerana seseorang seseorang yang dalam keadaan terdesak atau 'nothing to lose' sanggup mengancam keharmonian masyarakat demi untuk memastikan kelangsungan hidupnya. Permasalahan kemiskinan juga

merupakan ancaman kepada ideologi seperti yang diterangkan di dalam hadis riwayat al-Bayhaqī (2003) di mana faktor kemiskinan boleh mengheret seseorang kepada kekufuran (Al-Manāwī, 1972). Kajian turut mendapati kemiskinan boleh menjadi penyebab kepada isu murtad dan *atheisme*, khususnya di kalangan populasi pendalaman (Yusof et al., 2006).

Justeru, Islam secara jelas menunjukkan sikap yang tidak selesa terhadap fenomena kemiskinan. Ini dapat dilihat dalam beberapa ayat al-Quran (contoh: al-Mā'ūn: 1-3 dan al-Dhāriyāt: 19) yang memberi isyarat bahawa keengganan menolong golongan miskin adalah kelakuan yang dibenci. Begitu juga terdapat hadis yang menganjurkan agar umat Islam sentiasa berusaha menjauhi dari terjerumus ke dalam daerah kemiskinan (An-Nasā'ī 2007). Sejarah awal Islam menunjukkan usaha pemerksaan populasi fakir dan miskin yang dilakukan secara konsisten bermula dari zaman Rasullullah melalui pengurusan zakat, wakaf dan sadaqah yang dilakukan secara efisien. Kemuncaknya dapat dilihat pada zaman 'Umar bin 'Abd al-'Azīz di mana pembasmian kemiskinan berlaku secara efektif hinggan teramat sukar untuk menjumai asnaf fakir dan miskin yang layak menerima bantuan zakat (Nor, 2015).

Namun, realiti umat Islam hari ini menunjukkan situasi sebaliknya. Umat Islam sering dikaitkan dengan kemiskinan dan kemunduran. Data terkini daripada *Human Development Index* mendapati bahawa sejumlah besar negara-negara Islam dikategorikan sebagai 'miskin' atau 'miskin tegar' (UNDP 2018, 2019). Negera-negara ini juga turut mendapat skor yang rendah dari aspek nutrisi seimbang, kesihatan, jangka hayat munasabah dan pendidikan. Pemerksaan asnaf fakir dan miskin dari sudut ekonomi mampu menyantuni isu-isu ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji metode atau strategi yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam inisiatif memperkasakan golongan miskin. Hadis lelaki miskin Anṣār yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik dipilih memandangkan ia dipercayai mengandungi strategi yang komprehensif dalam pembasmian kemiskinan. Kajian ini dibahagikan kepada dua sub-seksyen utama iaitu kajian mengenai latar belakang hadis kemudiannya disusuli dengan analisis strategi bagi pemerksaan populasi miskin.

LATARBELAKANG HADIS

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، أَخْبَرَنَا عَيْسَى بْنُ يُونُسَ، عَنِ الْأَخْضَرِ بْنِ عَجْلَانَ،
عَنْ أَبِي بَكْرٍ الْحَنْفِيِّ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَلُهُ فَقَالَ: أَمَا فِي بَيْتِكَ شَيْءٌ؟ قَالَ: بَلَى، جَلَسْتُ نَلْبَسُ بَعْضَهُ

وَنَبَسَطُ بَعْضَهُ، وَقَعْبُ نَشْرَبُ فِيهِ مِنَ الْمَاءِ، قَالَ: اثْنَيْهِمَا، قَالَ: فَأَتَاهُ بِهِمَا، فَأَخَذَهُمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ، وَقَالَ: مَنْ يَشْتَرِي هَذَيْنِ؟ قَالَ رَجُلٌ: أَنَا، أَخَذَهُمَا بِدِرْهِمٍ، قَالَ: مَنْ يَزِيدُ عَلَى دِرْهِمٍ مَرَّتَيْنِ، أَوْ ثَلَاثًا، قَالَ رَجُلٌ: أَنَا أَخَذَهُمَا بِدِرْهِمَيْنِ فَأَعْطَاهُمَا إِيَّاهُ، وَأَخَذَ الدَّرْهَمَيْنِ وَأَعْطَاهُمَا الْأَنْصَارِيَّ، وَقَالَ: اشْتَرِ بِأَحَدِهِمَا طَعَامًا فَاذْبُدْهُ إِلَى أَهْلِكَ، وَاشْتَرِ بِالْآخَرِ قُدُومًا فَأْتِنِي بِهِ، فَأَتَاهُ بِهِ، فَشَدَّ فِيهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عُودًا بِيَدِهِ، ثُمَّ قَالَ لَهُ: اذْهَبْ فَاحْتَطِبْ وَبِعْ، وَلَا أَرَيْتَكَ خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا، فَذَهَبَ الرَّجُلُ يَحْتَطِبُ وَيَبِيعُ، فَجَاءَ وَقَدْ أَصَابَ عَشْرَةَ دِرْهَمٍ، فَاشْتَرَى بِبَعْضِهَا تَوْبًا، وَبِبَعْضِهَا طَعَامًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هَذَا خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ تَجِيءَ الْمَسْأَلَةَ نُكْتَةً فِي وَجْهِكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَصْلُحُ إِلَّا لِثَلَاثَةٍ: لِدِي فَقْرٍ مُدَقِّعٍ، أَوْ لِدِي عُزْمٍ مُمْتَطِعٍ، أَوْ لِدِي دَمٍ مُوجِعٍ.

Terjemahan: Daripada 'Abd Allāh bin Maslamah, daripada 'Īsā bin Yūnus kepada al-Akhḍar bin 'Ajlān, daripada Abū Bakr al-Hanafi, daripada Anas bin Mālik, bahawa seorang lelaki Anṣār datang mengemis kepada Nabi ṣallallāhu 'alayhi wa sallam. Lalu baginda bertanya: Adakah sesuatu (barang) di rumahmu? Dia menjawab: Ada, kain yang sebahagiannya kami pakai dan sebahagian yang lain kami bentangkan; dan sebuah bejana yang kami gunakan untuk minum air. Baginda berkata: bawakan keduanya kepadaku. Lalu baginda membawa dua barang tersebut dengan tangannya dan bertanya (kepada orang lain): siapa mahu membeli dua barang ini? Jawab seorang lelaki: Aku, dengan harga satu Dirham. Baginda bertanya lagi: siapa mahu menambah harganya menjadi dua atau tiga (Dirham)? Jawab seorang lelaki: aku membelinya dengan dua Dirham, lalu membayarnya. Baginda mengambil duit tersebut dan menyerahkannya kepada lelaki Anṣār. Baginda berkata: belilah makanan dengan satu Dirham untuk diberikan kepada ahli keluargamu, dan gunakan lagi satu Dirham untuk membeli kapak dan bawakan ia kepadaku. Lalu dibawakan kapak kepada Baginda, lalu Baginda memasangnya dengan tangan Baginda sendiri seraya berkata kepada lelaki itu: Carilah kayu api, jualkannya dan aku tak mahu melihatmu hingga lima belas hari. Lalu lelaki itu pergi mencari kayu api dan menjualnya. Kemudian dia datang berjumpa Baginda membawa bersama sepuluh Dirham (hasil jualan). Sebahagiannya digunakan untuk membeli pakaian dan sebahagian yang lain untuk makanan. Baginda menasihatkan: Cara ini lebih

baik daripada kamu datang meminta-minta yang menyebabkan kesan hitam di wajahmu pada Hari Kiamat nanti. Sesungguhnya perbuatan meminta-minta itu tidak baik kecualilah seseorang itu fakir, kebuluran, ditimpa kecelakaan atau terbeban dengan diyat.

Hadis ini turut diriwayatkan oleh ramai sarjana hadis iaitu *Ashāb al-Sunan al-Arba'ah* (Al-Nasā'ī, Abū Dawūd, Ibn Mājah dan al-Tirmidhī) dan lapan sarjana hadis lainnya seperti al-Bayhaqī, al-Ṭabarānī, Ibn Jārūd, al-Ṭahāwī dan Ibn Abī Shaybah (Al-Manāwī, 1972). Namun, terdapat perbincangan lanjut mengenai hadis ini khususnya dari aspek status keabsahan sanadnya. Al-Albānī mengkritik hadis ini sebagai *da'if* (lemah) atas alasan terdapat perawi dari kalangan tabiin yang bernama Abū Bakr al-Ḥanafī yang disifatkan sebagai *majhūl* (tidak diketahui latar belakangnya secara terperinci). Namun, perlu dinyatakan bahawa perawi yang datang dari kalangan tabiin mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan sikap menghukum *da'if* secara semberono perlu dielakkan. Para pengkaji *ilm al-rijāl* (*the science of narrators*) seperti al-Dhahabī (1967) dan Sulṭān al-Sayf (2006) berpandangan sikap bersangka baik adalah lebih utama terhadap perawi dari kalangan tabiin walaupun tidak banyak maklumat yang mampu diperolehi mengenai latar belakangnya. Ibn Kathīr (2010) turut berkongsi pendapat yang sama atas alasan golongan tabiin telah dijamin oleh Nabi SAW sebagai golongan yang mempunyai kualiti terbaik. Justeru, terdapat sarjana yang berpandangan bahawa tiada masalah yang major pada sanad hadis ini. Misalnya, al-Tirmidhī (1996) dan al-Ḥaythamī (2015) berpandangan bahawa sanad hadis ini berstatus *ḥasan* (baik) manakala al-Zayla'ī (2008) berpandangan ia berstatus *ṣaḥīḥ* (autentik). Atas alasan-alasan tersebut, kajian ini menyimpulkan bahawa hadis ini boleh diterima untuk digunakan sebagai sandaran dan rujukan.

Hadis ini turut mendapat perhatian sarjana untuk membincangnya dari kerangka fiqh khususnya dalam membahaskan hukum hakam jual beli secara lelong. Contohnya, al-Nakha'ī berpandangan bahawa hukum jual beli secara lelong adalah makruh manakala tokoh seperti 'Aṭā', Mujāhid dan Ishāq bin Rahwayh berpandangan jual beli jenis ini hanya harus dalam konteks harta rampasan perang dan harta pusaka (Al-Ḥudaythī, 2010; Al-Zuhaylī, 2008). Walau bagaimanapun, majoriti sarjana fiqh berpandangan hukum jual beli lelong adalah diharuskan berhujahkan antaranya melalui hadis lelaki Anṣār ini.

Sungguhpun begitu, terdapat beberapa aspek pembangunan sosioekonomi yang terdapat dalam hadis ini yang jarang dibincangkan oleh sarjana hadis dan fiqh iaitu mengenai perbincangan tentang strategi pemerksaan golongan

miskin yang dilakukan oleh Nabi SAW – yang mana ia menjadi mauduk utama kajian ini.

ANALISIS STRATEGI PEMERKASAAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Strategi 1: Memenuhi keperluan asas (Satisfying basic needs)

“Belilah makanan dengan satu Dirham untuk diberikan kepada ahli keluargamu...”

Petikan hadis di atas memberi isyarat bahawa antara perkara utama dalam menyantuni populasi fakir dan miskin ialah dengan memenuhi keperluannya yang asas terlebih dahulu. Dalam konteks moden, keperluan asas manusia terdiri daripada tiga komponen iaitu; makanan, pakaian dan tempat berlindung. Aspek ini perlu diberi perhatian khususnya oleh negara-negara Islam kerana beberapa data empirikal merekodkan beberapa aspek keperluan asas amat memerlukan penambahbaikan aspek nutrisi seimbang, tempoh jangka hayat munasabah, sanitasi yang baik dan penjagaan kesihatan UNDP (2018, 2019). Antara cara yang berkesan untuk memperkasakan populasi ini ialah dengan melibatkan mereka dalam aktiviti-aktiviti yang produktif. Inisiatif keusahawanan mikro antara yang dilihat praktikal dan efisien bagi mencapai hasrat ini (Midgley, 2008; Rahman, 2010). Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa aspek keperluan asas perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum mengharap golongan miskin menyertai aktiviti perusahaan. Ini kerana jika bantuan modal diberikan sebelum keperluan asas diselesaikan, dibimbangi akan berlakunya risiko *moral hazard* Ahmed (2002) Risiko ini sering berlaku apabila populasi miskin cenderung menggunakan pembiayaan yang diberikan untuk membeli keperluan asas (*non-productive consumptions*). Natijahnya, mereka tidak mampu menjana pendapatan untuk keluar dari garis kemiskinan dan institusi yang menawarkan pembiayaan boleh mengalami kerugian.

Strategi 2: capaian dan akses mudah (outreach and accessibility)

Hadis ini turut memberi gambaran bahawa walaupun dalam kesibukan sebagai seorang pemimpin, Nabi SAW adalah seorang yang mudah untuk diakses oleh para sahabatnya untuk mendapatkan solusi terhadap sesuatu permasalahan. ‘Capaian’ adalah merujuk kepada jumlah populasi miskin yang mendapat akses bantuan daripada intitusi terlibat dengan pembasmian kemiskinan (Daher & Saout, 2015). Akses bantuan kebiasaannya terdiri daripada dua bentuk iaitu kewangan ataupun aset. Antara perkara yang boleh meningkatkan daya capaian dan akses ialah prosedur permohonan yang tidak rumit dan fleksibel. Pelaksanaan semasa di institusi pembiayaan mikro Islam mungkin boleh diperluaskan di sektor lain. Ini kerana populasi

miskin yang memohon pembiayaan hanya melibatkan borang yang ringkas serta tiada cagaran dan penjamin serta tiada penalti dikenakan bagi kes kemungkiran (*default*) (Thaidi, 2018). Prosedur yang ringkas dan fleksibel ini dijangka mampu menarik lebih ramai orang miskin. Semakin besar jumlah populasi miskin yang mendapat akses bantuan, semakin tinggi kebarangkalian untuk mengeluarkan mereka daripada kategori asnaf.

Strategi 3: Proses tapisan kamampuan (Screening proses)

“baginda bertanya: Adakah sesuatu (barang) di rumahmu?”

Petikan hadis ini memberi gambaran bahawa Nabi SAW melakukan proses tapisan tentang kemampuan kewangan terlebih dahulu sebelum menghulurkan bantuan. Ia penting untuk mengenalpasti realiti dan kemampuan sebenar golongan asnaf serta jenis bantuan yang manakah yang benar-benar mereka perlukan. Dalam konteks moden, proses tapisan ini meliputi aspek kondisi kewangan, tahap pengetahuan dan pendidikan, kemahiran dan perancangan bagaimana untuk mengoptimumkan penggunaan bantuan yang diberikan (Obaidullah, 2008). Ia penting demi meningkatkan upaya populasi miskin berdasarkan realiti dan lanskap yang betul serta mengurangkan risiko kerugian bagi pihak pembiaya (Wulandari & Kassim, 2016).

Strategi 4: Perantara kewangan (financial intermediary)

“...Jawab seorang lelaki: aku membelinya dengan dua Dirham, lalu membayarnya. Baginda mengambil duit tersebut dan menyerahkannya kepada lelaki Anṣār”

Petikan hadis ini menunjukkan bahawa ketika lelaki miskin tersebut datang mengemis, Nabi SAW tidak terus memberikan wang milik baginda sendiri untuk menyelesaikan masalah tetapi bertindak menjadi perantara kewangan. Justeru, sesebuah institusi yang terlibat dalam inisiatif memperkasakan populasi miskin tidak semestinya perlu menggunakan duit milik institusi untuk meralisasikan tujuan ini. Dengan bertindak sebagai perantara kewangan, sesebuah institusi boleh bertindak dengan mencari pihak yang mempunyai lebih dana (*surplus*) untuk disalurkan kepada pihak yang memerlukan (*deficit*). Kajian *National Bureau of Economic Research* menunjukkan negara yang mempunyai lebih banyak sektor yang menjadi perantara kewangan akan mampu membasmi kemiskinan dan menghapuskan jurang pendapatan dengan kadar yang lebih pantas (Beck, Demircuc-Kunt & Levine, 2004).

Strategi 5: Kecairan tunai (cash liquidity)

“Baginda membawa dua barang tersebut dengan tangannya dan bertanya (kepada orang lain): siapa mahu membeli dua barang ini? Jawab seorang lelaki: Aku, dengan harga satu Dirham. Baginda bertanya lagi: siapa mahu menambah harganya menjadi dua atau tiga (Dirham)? Jawab seorang lelaki: aku membelinya dengan dua Dirham, lalu membayarnya.”

Untuk memperkasakan populasi miskin secara efektif tidak cukup sekadar pemberian bantuan untuk memenuhi keperluan asas (makanan, pakaian dan tempat tinggal). Hadis tersebut menunjukkan bahawa kecairan tunai adalah penting agar golongan miskin boleh terlibat dalam aktiviti yang lebih produktif secara konsisten. Aktiviti produktif yang meningkatkan pendapatan antara faktor utama yang membolehkan populasi miskin membuat simpanan tunai. Mutakhir ini, simpanan tunai merupakan aspek yang kurang dititikberatkan dalam usaha pemerksaan golongan miskin (Vogel, 1984). Ia penting untuk membangunkan aset, memenuhi keperluan ketika kecemasan, simpanan hari tua dan sebagainya (Armendariz et al., 2010).

Strategi 6: Sokongan teknikal (technical supports)

“Belilah makanan dengan satu Dirham untuk diberikan kepada ahli keluargamu, dan gunakan lagi satu Dirham untuk membeli kapak dan bawakan ia kepadaku... Carilah kayu api, jualkannya dan aku tak mahu melihatmu hingga lima belas hari.”

Pemberian bantuan kewangan semata-mata mungkin tidak mampu membantu golongan miskin keluar dari garisan kemiskinan. Ini kerana mereka sering dikaitkan dengan kekurangan dari sudut pengetahuan menguruskan wang yang boleh menjana keuntungan (Loibl, 2018). Bantuan yang diterima sering digunakan untuk tujuan ‘pakai-habis’ lalu mengakibatkan mereka kekal dalam lingkungan kemiskinan (Ahmed, 2002). Justeru, mereka amat berhajatkan kepada program dan sokongan teknikal dari aspek pengurusan kewangan. Hadis ini menunjukkan selepas berjaya mendapatkan wang tunai, Nabi SAW mengajarnya tentang dua aspek teknikal yang penting dalam pengurusan kewangan iaitu pelan konsumsi dan pelan perniagaan. Melalui pelan konsumsi, sebahagian wang perlu digunakan untuk menyelesaikan keperluan asas bagi keluarga. Melalui pelan perniagaan pula lelaki itu diajarkan bagaimana sebahagian wang yang lain perlu dijadikan modal pusingan untuk aktiviti-aktiviti yang mampu mencipta keuntungan.

Strategi 7: Pendidikan dan kesedaran (education and awareness)

“Cara ini lebih baik daripada kamu datang meminta-minta yang menyebabkan kesan hitam di wajahmu pada Hari Kiamat nanti. Sesungguhnya perbuatan meminta-minta itu tidak baik kecualilah seseorang itu fakir, kebuluran, ditimpa kecelakaan atau terbeban dengan diyat.”

Setelah berjaya memberi solusi terhadap permasalahan kemiskinan, Nabi SAW terus menasihati lelaki tersebut untuk terus berdikari dan menjauhi sikap meminta-minta. Populasi miskin perlu diberi motivasi, nasihat dan kesedaran secara konsisten agar mereka menjadi manusia yang berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada derma dan bantuan. Institusi pembiayaan mikro antara sektor yang melakukan pendidikan dan kesedaran secara konsisten dan berkala terhadap populasi miskin. Misalnya di Amanah Ikhtiar Malaysia, ia dilakukan dengan melalui perjumpaan secara mingguan di mana terdapat sesi ikrar di kalangan pelanggan (golongan miskin) untuk sentiasa berdikari dan berusaha dalam perusahaan mikro mereka (Chan, 2010). Inisiatif ini didapati mampu meningkatkan disiplin pelanggan mikro dalam pengurusan perusahaan mereka (Chan, 2010).

PENUTUP

Kemiskinan merupakan satu mudarat yang major bagi populasi Muslim. Prinsip fundamental dalam Syariah menuntut supaya setiap mudarat perlu dibasmi dan dihilangkan. Melalui telaah literatur dan kajian terhadap pemerksaan orang miskin mengikut gaya Nabi SAW, kesimpulan kajian ini dapat dibuat melalui tiga mesej utama. Peratamanya, agenda pemerksaan golongan miskin yang berkesan adalah bertitik tolak dari kehendak dan usaha diri mereka sendiri. Dengan perkataan lain, kesungguhan pihak luar dalam usaha ini mungkin tidak mencukupi selagi mana golongan miskin tidak berusaha dan berdikari. Keduanya, pembasmian kemiskinan melalui keusahawanan mikro juga merupakan antara pendekatan yang praktikal dan efektif kerana ia mampu menjana pendapatan secara konsisten - walaupun sedikit - yang akhirnya mampu mengeluarkan populasi ini dari garis kemiskinan. Kaedah biasa yang digunakan iaitu dengan menghulurkan bantuan kewangan bagi tujuan memenuhi keperluan asasi (makanan, pakaian dan tempat tinggal) belum tentu mampu membasmikan kemiskinan secara holistik. Ketiganya, konsultasi adalah penting bagi membantu dan memotivasikan golongan miskin secara konsisten. Konsultasi boleh dibuat dalam bentuk kursus pengurusan dan kemahiran, pendidikan, nasihat serta program kesedaran.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan USIM Grand Challenge 2019, kod penyelidikan: PPPI/UGC_0119/FSU/051000/13319. Kajian ini merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kepada Universiti Sains Islam Malaysia dan ahli-ahli penyelidik.

RUJUKAN

- Ahmed, Habib. 2002. "Financing Microenterprises: An Analytical Study of Islamic Microfinance Institutions." *Islamic Economic Studies* 9(2): 27–64.
- Al-Bayhaqī. 2003. *Al-Jāmi' Li Sha' bi Al-Īmān*. ed. 'Abd al-'Alī Ḥamid. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Dhahabī, Muḥammad. 1967. *Dīwān Al-Ḍu' afā' Wa Al-Matrūkīn*. ed. Ḥammād Al-Anṣārī. Mecca: Maktabah al-Nahḍah al-Ḥadīthah.
- Al-Ḥaythamī. 2015. *Majma' Al-Zawā'id Wa Manba' Al-Fawā'id*. ed. Ḥusayn Al-Dādānī. Jedah: Dār al-Minhāj.
- Al-Ḥudaythī, Maḥmūd. 2010. "Ḍawābiḥ Bay' Al-Muzāyadah Fī Al-Fiqh Al-Islāmī." *Journal of Surra man Raa* 6 (22): 170–97.
- Al-Manāwī, 'Abd Al-Ra'ūf. 1972. *Fayḍ Al-Qadīr Sharḥ Al-Jāmi' Al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Sayf, Sulṭan. 2006. *Alfāz Al-Ḥāfiẓ Al-'Uqaylī Al-Ṣarīḥ ah Fī Qabūl Al-Aḥādīth Fī Kitābihi 'Al-Ḍu' afā': Jam'un Wa Dirāsah*. Riyadh: King Saud University.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad. 1996. *Sunan Al-Tirmidhī*. ed. Bashshār Ma'rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Zayla'ī. 2008. *Naṣb Al-Rāyah Li Aḥādīth Al-Hidāyah Riyadh 2008*. ed. Muḥammad 'Awwāmah. Riyadh: Muassasah al-Rayyān.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. 2008. *Al-Fiqh Al-Islāmī Wa Adillatuh*. Damascus: Dār al-Fikr.
- An-Nasā'ī, Ahmad. 2007. *English Translation of Sunan An-Nasā'ī*. eds. 'Ali Za'I, Al-Khattāb, and Abū Khaliyl. Riyadh: Darussalam.
- Armendariz, Beatriz, Jonathan Morduch, Beatriz Armendariz de Aghion & Jonathan Morduch. 2010. MIT Press *The Economics of Microfinance*. 2nd ed. Massachusetts: The MIT Press.
- Beck, Thorsten, Asli Demircug-Kunt & Ross Levine. 2004. *Finance, Inequality and Poverty: Cross-Country Evidence*. Massachusetts.

- Chan, Sow Hup. 2010. "The Influence of Leadership Expertise and Experience on Organizational Performance: A Study of Amanah Ikhtiar Malaysia." *Asia Pacific Business Review* 16(April): 59–77.
- Daher, Lâma & Erwan Le Saout. 2015. "The Determinants of the Financial Performance of Microfinance Institutions: Impact of the Global Financial Crisis." *Strategic Change* 24: 131–48.
- Ismā' il Ibn Kathīr. 2010. *Ikhtišār 'Ulūm Al-Ḥadīth*. ed. Māhir Al-Faḥl. Riyadh: Dār al-Maymān.
- Loibl, Cäzilia. 2018. "Living in Poverty: Understanding the Financial Behaviour of Vulnerable Groups." In *Economic Psychology*, ed. Rob Ranyard. John Wiley & Sons, 421–34.
- Midgley, James. 2008. "Microenterprise, Global Poverty and Social Development." *International Social Work* 51(4): 467–79.
- Miguel, Edward. 2005. "Poverty and Witch Killing." *Review of Economic Studies* 72(4): 1153–72.
- Nor, Radieh mohd. 2015. "Baitulmal Management During the Reign of Caliph Umar Ibn Abdul Aziz." *Arts and Social Sciences Journal* 6(3): 1–4.
- Obaidullah, Mohammed. 2008. *Introduction to Islamic Microfinance*. India: International Institute of Islamic Business and Finance.
- Obioha, Emeka E. 2009. "Becoming a Street Child in Poverty Ridden Society: A Descriptive Case of Kaduna Metropolis, Nigeria." *Journal of social sciences* 19(1): 41–49.
- Pridemore, William Alex. 2011. "Poverty Matters: A Reassessment of the Inequality – Homicide Relationship in Cross-National Studies." *British Journal of Criminology* 51: 739–72.
- Rahman, Abdul Rahim Abdul. 2010. "Islamic Microfinance: An Ethical Alternative to Poverty Alleviation." *Humanomics* 26(4): 284–95.
- Thaidi, Hussein 'Azeemi Abdullah. 2018. "How Can Maqāṣid Al-Sharī'ah Contribute to the Development of Islamic Microfinance ? A Study of the Theory and Its Application in Practice by Amanah Ikhtiar Malaysia." University of Aberdeen.
- UNDP. 2018. "Human Development Data (1990-2017)." *United Nations Development Programme*. <http://hdr.undp.org/en/data#> (February 10, 2019).
- — —. 2019. *Human Development Index 2018*. New York: United Nations

Development Programme.

Vogel, RC. 1984. "Savings Mobilization: The Forgotten Half of Rural Finance." In *Undermining Rural Development with Cheap Credit*, eds. D. W Adams, D. H Graham & J. D. von Pischke. Boulder, CO: Westview Press, 248–265.

Wulandari, Permata & Salina Kassim. 2016. "Issues and Challenges in Financing the Poor: Case of Baitul Maal Wa Tamwil in Indonesia." *International Journal of Bank Marketing* 34(2): 216–34.

Yusof, Farahwahida Mohd et al. 2006. *Kaedah Penyelesaian Dalam Menangani Pertukaran Agama Di Kalangan Masyarakat Melayu-Islam Di Johor, Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Skudai, Johor.

Zain, Masnah Mohd et al. 2002. *Kesan Pendapatan Ke Atas Kadar Perceraian Di Kalangan Masyarakat Melayu Di Kelantan*. Shah Alam.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.